

## KAEDAH PENGAJARAN DI INSTITUSI PENGAJIAN PONDOK

Siti Saniah Abu Bakar, Dahlia Janan, Alizah Lambri, Nurul Rafina Ruzuwan

### ABSTRACT

Pondok institute is a growing Islamic formal education institution amongst the Malaysian community. The purpose of this study is to identify the teaching methods practiced by teachers at pondok institutions. A phenomenological approach has been used to explore the teaching and learning methods at these pondok institution. The data were obtained through observation and interviews. Founders, teachers and students at one of the pondok in Alor Setar, Kedah was selected as respondent for the study. According to Mashitah Ibrahim (2014), there are five traditional methods of teaching the in pondok namely talaqqi method, tafaqquh method, itqan method, munazoroh method, and mujadalah method. However, the findings of this study shows that in the five traditional methods of teaching at pondok only three teaching methods practiced directly in this pondok institution ie talaqqi method, itqan method and Tafaqquh method. It was found mujadalah and munazoroh method can not be practiced at this cottage institution. This is because the curriculum institution practice in this pondok are only for students at the basic level with the aim of making these students a person with strong religious foundation and a religious spirit. Nevertheless, all the teaching methods practiced in this pondok institution have good interests and benefits in producing noble human beings.

**Keywords:** *teaching method, pondok studies, Malay language*

Jabatan Bahasa dan Kesusasteraan  
Melayu,  
Universiti Pendidikan Sultan Idris  
*saniah@fbk.upsi.edu.my*

## PENDAHULUAN

Sistem pengajian pondok dalam kalangan masyarakat Melayu telah bermula sejak awal kedatangan Islam ke Tanah Melayu pada kurun ke-15. Institusi pengajian pondok ini merupakan salah satu medium terpenting ketika itu dalam pengembangan ilmu pengetahuan, khususnya ilmu Islam (Masyhurah Mohamad Rawi, Harun Baharudin, Maimun Aqsha Lubis dan Siti Aisyah Romli, 2015). Sistem pengajian pondok ini terus berkembang dari hari ke hari di beberapa negeri di seluruh Malaysia seperti Kedah, Kelantan, Pulau Pinang dan Terengganu.

Kaedah pengajaran pondok ini masih kekal dengan unsur tradisinya hingga ke hari ini. Walau bagaimanapun, seperti institusi pendidikan yang lain, kaedah pengajaran pondok ini juga akan turut berubah dari masa ke masa. Namun, asas kaedah pengajaran pondok secara tradisional masih diamalkan sehingga ke hari ini. Terdapat beberapa kaedah pengajaran tradisional di institusi pengajian pondok seperti tradisi pengajian secara talaqqi (pengajian berguru), kaedah tafaqquh (mendalam dan menghalusi) dan kaedah itqan (menekuni) dalam diri pelajar serta kaedah munazoroh (berdebat) dan kaedah mujadalah (berdialog) (Mashitah Ibrahim, 2014).

Siti Aminah (2013), menyatakan bahawa nilai-nilai yang baik diserapkan kepada pelajar dalam seluruh kehidupan sehari-hari di pondok melalui tahap transformasi, transaksi dan transinternalisasi. Penguasaan pengetahuan tentang nilai berdasarkan Al-Quran dan sunnah dilakukan melalui kegiatan pembelajaran di dalam kelas dengan menggunakan kaedah pengajaran yang disesuaikan dengan bahan yang disampaikan. Sistem pengajian pondok ini juga telah banyak melahirkan pelajar yang berakhlak mulia dengan ilmu-ilmu agama yang mereka pelajari meliputi usuluddin, tasawwuf, fiqh, mantik, nahu, saraf, fikah, tauhid, akhlak dan sebagainya.

Secara umumnya, melalui sistem pengajian pondok ini masyarakat Melayu lebih memahami hukum hakam, akidah dan masalah-masalah yang berhubung dengan Islam. Oleh sebab itu, sistem pengajian pondok di Malaysia sudah tidak asing lagi dalam kalangan masyarakat Melayu. Sistem pengajian pondok ini bukan sahaja melahirkan masyarakat yang mempunyai ilmu agama malah masyarakat yang mempunyai tanggungjawab moral, disiplin diri, kepedulian dan kesopanan (Siti Aminah, 2013). Justeru, kaedah pengajian yang diamalkan di institusi pondok ini perlu diteliti untuk dijadikan panduan selain dapat meningkatkan martabat institusi pondok dan seterusnya memastikan kelangsungan sistem pengajian pondok.

## KAJIAN BERKAITAN KAEDAH PENGAJARAN PONDOK

Menurut Ramli Awang (2006), terdapat tiga komponen asas yang menunjangi sesebuah institusi pengajian pondok, iaitu adanya Tuan Guru, masjid dan pondok. Ketiga-tiga ciri ini terdapat pada setiap institusi pengajian pondok dan persamaan ciri fizikal ini juga mempengaruhi aspek kaedah pengajaran di pondok tersebut. Menurut Ahmad Mohd Salleh (2008), pembelajaran institusi pondok ini berbentuk umummi, iaitu menggunakan kitab, di mana para pelajar akan duduk mengelilingi tok guru untuk mempelajari kitab. Pembelajaran akan disampaikan dengan kaedah membaca kitab dan memberi huraian kepada para pelajar. Kaedah ini juga disamakan dengan kaedah kuliah atau syarahan.

Kaedah pengajaran ini adalah suatu prinsip atau cara yang dipilih oleh guru untuk menjalankan sesi pengajaran dan pembelajaran di sesuatu institusi. Menurut Mashitah Ibrahim (2014), terdapat 5 kaedah pengajian di pondok secara tradisional. Antaranya ialah kaedah talaqqi, tafaqquh, itqan, munazoroh, dan mujadalah. Sedek bin Ariffin (2009), telah menulis tentang Kepentingan talaqqi dan Musyafahah dalam pembacaan Al-Quran menyatakan bahawa perkataan talaqqi berasal daripada bahasa arab iaitu kalimah *laqia* yang membawa maksud berjumpa. Kaedah pengajaran berguru ini memang wajib digunakan di insitusi pondok, iaitu seseorang murid duduk di hadapan gurunya untuk memperdengarkan bacaan Al-Quran secara langsung atau mendengar guru menyampaikan ilmu-ilmu di mana-mana sahaja dengan syarat secara bersemuka tanpa perantaraan alat lain. Murid-murid pula akan duduk bersila di hadapannya dengan kitab yang akan dipelajari serta buku catatan. Mereka membentuk lingkaran tapak kuda atau *halaqat*.

Kaedah tafaqquh pula memberi maksud proses memahami dan mendalami ilmu fiqh dan syariah islamiah. Proses tafaqquh ini akan berlaku sekiranya seseorang pelajar mendampingi gurunya dan bertanya serta

berdiskusi dengan guru tersebut bertujuan untuk mendalami sesuatu ilmu yang telah disampaikan (Shuhadak Mahmud dan Ibnor Azli Ibrahim, 2014). Selain itu, konsep itqan ini amat berkait rapat dengan pembudayaan kualiti diri. Menurut Ahmad Mohd Salleh (2008), kaedah tradisional ini digunakan apabila para pelajar duduk mengelilingi tok guru yang sedang membaca kitab. Maka para pelajar sangat tekun mendengar setiap kata yang diungkapkan oleh tok guru mereka. Para pelajar juga akan dikehendaki menghafal bahagian atau potongan ayat secara bergilir-gilir di hadapan tok guru. Oleh itu, para pelajar akan sentiasa bersungguh-sungguh ketika kaedah ini dijalankan untuk memastikan mereka dapat menghafal kitab-kitab tersebut.

Manakala, kaedah munazoroh ini merupakan perbincangan yang dilakukan untuk mendapatkan jawapan bagi sesuatu perkara. Kaedah ini dilakukan oleh para pelajar yang sudah mahir di dalam sesuatu hadis. Mereka akan bersama-sama berbincang dan berdebat tentang perkara yang dipelajari (Nur Sa'adah, 2015). Kaedah pengajian pondok yang terakhir adalah kaedah mujadalah (berdialog). Menurut Masyhurah Mohamad Rawi, Harun Baharudin, Maimun Aqsha Lubis, dan Siti Aisyah Romli (2015), kaedah mujadalah ini tidak akan berlaku semasa guru memberikan kuliah kerana guru akan menggunakan sepenuh masa untuk memberikan penerangan tentang sesuatu perkara. Kebiasaannya, kaedah soal jawab atau berdialog ini akan dilakukan oleh pembantu guru atau lebih dikenali sebagai *kepala talaah*. Mohd Napiah Abdullah (1989), sesi pembelajaran seperti ini akan melahirkan para pelajar yang pasif kerana semasa tuan guru menyampaikan pelajaran, para pelajar tidak digalakkan bertanya atau bersoal jawab.

#### OBJEKTIF KAJIAN

Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengenal pasti kaedah pengajaran yang diamalkan oleh guru di institusi pengajian pondok.

#### METODOLOGI KAJIAN

Kajian yang dijalankan ini bertujuan untuk melihat kaedah pengajaran yang diamalkan oleh guru di institusi pengajian pondok. Oleh itu, reka bentuk kajian yang paling sesuai digunakan untuk kajian ini adalah reka bentuk kajian fenomenologikal. Othman Lebar (2009), menjelaskan bahawa pendekatan fenomenologikal ini merupakan satu kerangka teori yang menekankan kajian tentang bagaimana pengalaman harian mempengaruhi dan membentuk perlakuan manusia. Ini melibatkan bagaimana manusia mentafsir dan memberi makna terhadap perkara atau peristiwa yang mereka alami dan lalui dalam kehidupan mereka sehari-hari. Oleh itu, kajian fenomenologikal ini berasaskan pada proses kajian terhadap penerokaan pengkaji terhadap pengalaman yang telah terbina dalam diri guru dan murid di institusi pondok tersebut.

Kajian yang dilaksanakan ini juga bersifat kajian kualitatif, iaitu melibatkan reka bentuk kajian lapangan dan kajian kepustakaan. Justeru, proses pengumpulan data dibuat dengan menggunakan kaedah pemerhatian dan temu bual. Data-data yang diperolehi kemudiannya akan disimpan dalam bentuk rakaman audio, rakaman visual dan nota lapangan. Lokasi kajian yang telah dipilih adalah di salah sebuah institusi pengajian pondok di Alor Setar, Kedah. Kajian ini melibatkan responden yang terdiri daripada pengasas pondok (mudir), guru-guru pondok dan pihak-pihak yang terlibat secara langsung dalam sistem pengajian pondok termasuk semua pelajar pondok di institusi pengajian pondok tersebut. Responden yang terlibat dalam temu bual melibatkan pengasas pondok (mudir), 9 orang guru pondok, 9 orang pelajar lelaki dan 6 orang pelajar perempuan.

Proses analisis data kualitatif adalah berterusan dan tidak linear. Teknik pengekodan terbuka (open coding) digunakan bagi tujuan untuk menganalisis data. Pengekodan ini dilakukan sebagai cara untuk membentuk kategori-kategori yang diperolehi daripada data pemerhatian dan temu bual yang diperolehi daripada kajian kepustakaan, kemudian akan dikaitkan antara satu sama lain hingga membentuk suatu gambaran tentang fenomena yang dikaji. Seterusnya, pada peringkat akhir, teknik penyaringan data, pengekodan data dan rumusan akan dibuat bagi melaporkan data akhir kajian dan seterusnya menjawab soalan kajian yang timbul.

## DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

### Kaedah Pengajaran Yang Dijalankan Di Kompleks Pendidikan Islam Darul Hidayah

Menurut Mashitah Ibrahim (2014), terdapat lima kaedah pengajaran pondok secara tradisional iaitu kaedah talaqqi, kaedah tafaqquh, kaedah itqan, kaedah munazoroh, dan kaedah mujadalah. Namun, hasil daripada pemerhatian dan temu bual yang dijalankan di institusi pondok tersebut menunjukkan bahawa daripada lima kaedah pengajaran pondok secara tradisional hanya terdapat tiga kaedah pengajaran yang diamalkan secara langsung di institusi pondok ini iaitu kaedah talaqqi, kaedah tafaqquh dan kaedah itqan. Manakala kaedah mujadalah dan kaedah munazoroh pula diamalkan secara tidak langsung di institusi pondok ini.

#### Kaedah Talaqqi

Menurut Sedek bin Ariffin (2009), kaedah talaqqi ini adalah kaedah wajib yang perlu diamalkan di setiap institusi pondok. Institusi pondok yang telah dikaji ini telah menggabungkan kaedah talaqqi secara tradisional dan kaedah talaqqi secara moden. Dalam erti kata yang lain, sistem pengajian pondok ini telah menggabungkan kaedah lama yang baik dan kaedah baru yang memberi manfaat. Institusi pondok ini mengamalkan kaedah talaqqi secara tradisional semasa menjalankan kelas umummi. Kelas umummi ini bermaksud sesi pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan dengan menghimpunkan semua para pelajarnya di masjid dan guru akan menyampaikan syarahan tanpa mengira perbezaan tahap pengajian, umur dan jantina pelajarnya. Pelajar-pelajar akan duduk bersila dan membentuk lingkaran tapak kuda atau *halaqat* (bulatan) sambil membuka kitab yang akan dipelajari. Suasana kaedah talaqqi secara tradisional yang dijalankan di institusi pondok ini ditunjukkan dalam gambar di bawah.




G1/L2/KS/04022017

Rajah 4.1. Kaedah Talaqqi Semasa Kelas Umummi

Menurut Suhanim Abdullah (2014), kaedah pembelajaran yang diamalkan di pondok ini adalah sama seperti kaedah yang dijalankan di Masjidil Haram. Murid-murid dikehendaki duduk bersila dalam satu bulatan seperti membentuk lingkaran tapak kuda atau *halaqat* sewaktu belajar. Perkara ini selari dengan kajian yang telah dijalankan oleh Mohd Napih Abdullah (1989), pengajaran di institusi pondok ini akan disampaikan dengan cara para pelajarnya duduk bersila di dalam satu bulatan yang mengelilingi tuan guru dengan membuka kitab masing-masing.

Selain itu, semasa tuan guru menyampaikan syarahan, para pelajar juga tidak digalakkan bertanya atau bersoal jawab. Para pelajar ini hanya akan bertanyakan soalan apabila guru meminta mereka bertanyakan soalan ataupun pelajar akan berjumpa dengan guru mereka selepas kelas itu berakhir. Mereka menganggap bahawa bertanyakan soalan semasa guru mengajar merupakan sesuatu tindakan yang tidak beradap. Selain itu, analisis daripada catatan nota lapangan juga menunjukkan dapatan yang sama. Para pelajar telah bersiap sedia di hadapan guru sebelum kuliah bermula dalam keadaan bersila dan bersedia dengan kitab masing-masing. Keratan catatan nota lapangan pengkaji menjelaskan dapatan ini:



CNL1/L2/KM/04022017

Rajah 4.2. Catatan Nota Lapangan Kaedah Talaqqi


Jelaslah bahawa kaedah talaqqi secara tradisional ini masih dijalankan di institusi pengajian pondok ini. Walau bagaimanapun, institusi pondok ini juga turut mengamalkan kaedah talaqqi secara moden iaitu kaedah talaqqi ini digunakan di dalam kelas mengikut tahap pengajian para pelajarinya seperti di sekolah. Berdasarkan temu bual yang dijalankan dengan guru pondok di institusi pengajian pondok ini mendapati bahawa sistem talaqqi atau sistem berguru di pondok ini telah menggabungkan kaedah talaqqi secara tradisional dan moden kerana tahap pengajian pelajar yang berbeza-beza. Sistem di pondok ini mengamalkan konsep kelas seperti di sekolah di mana terdapat 4 tahap pengajian iaitu mutawassit 1, mutawassit 2, mutawassit 3 dan mutawassit 4. Selain itu, pondok ini juga menyediakan kelas iffida'i bagi pelajar pemulihan yang tidak dapat menguasai asas membaca dan menulis kerana kaedah pengajaran di institusi pondok ini memerlukan penguasaan tulisan jawi dan bahasa Arab. Kenyataan ini dijelaskan oleh guru G3 melalui temu bual berikut:

*"Sistem kami macam tu la. Sistem talaqqi yang dimaksudkan di sini tu. Yang mengapa kami tak buat talaqqi bagi semua tu... faktor umur, kemudian yang macam kata tadi, yang mai dekat kami ni pelajar yang bukan dia nak sendiri. Dulu kan sistem talaqqi berdepan dengan guru tu, pelajar yang pi cari guru. Dan dengan faktor umur yang macam mana pun mereka sendiri yang berkehendak. Jadi depa akan tumpu pada satu guru saja. Kalau kita buat yang macam tu, makna kata budak tak belajar haa. Kadang- kadang budak yang mengikut pelajaran yang guru sampai tu, pelajaran dah tinggi dah. Budak budak mai kecil. Yang tak tau apa.. kadang dengar. Yang tu la yang menyebabkan depa tidoq dalam kelas, depa main dalam kelas, tak masuk kelas. Jadi sebab tu kami tak buat sistem tu. Itu yang saya kata tu, campur diantara yang baru yang boleh memberi manfaat dan lama yang baik ."* (G3)

TB/L1/G1-G2-G3/17012017

Berdasarkan temu bual berikut, pengkaji dapat menyimpulkan bahawa institusi pengajian pondok ini mengamalkan kaedah talaqqi berbentuk tradisional dan moden. Hal ini kerana, terdapat beberapa faktor seperti umur, jantina dan tahap pengajian yang berbeza telah menyebabkan sistem pondok ini tidak dapat mengamalkan kaedah talaqqi secara tradisional sepenuhnya. Walau bagaimanapun, kaedah talaqqi yang dijalankan di pondok ini masih mengamalkan konsep yang sama di mana kaedah ini melibatkan pelajar duduk di hadapan gurunya secara bersemuka untuk menuntut ilmu.

Sadek Ariffin (2009), telah menyatakan bahawa syarat bagi kaedah talaqqi ini adalah guru akan menyampaikan ilmu di mana-mana sahaja secara bersemuka tanpa sebarang perantaraan alat lain. Namun disebabkan kaedah pengajaran di institusi pengajian pondok ini menggabungkan kaedah talaqqi secara moden. Guru menggunakan kitab dan papan tulis untuk menyampaikan ilmu-ilmu kepada para pelajarnya. Berikut merupakan gambar yang menunjukkan guru-guru yang menggunakan papan tulis semasa mengajar di dalam kelas pelajar lelaki bagi kelas mutawassit 2:



G7/L2/KM2/05022017

Rajah 4.3. Guru Menggunakan Papan Tulis di Kelas Mutawassit 2

Selain itu, semasa sesi pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas, pelajar lelaki akan belajar di dalam kelas seperti biasa bersama guru. Namun, pelajar perempuan akan berada di dalam kelas mereka sendiri dan hanya akan mendengar suara guru dari kelas pelajar lelaki yang telah disambungkan melalui pembesar suara sahaja. Sebelum ini, pelajar perempuan dapat melihat guru mereka melalui video yang disambungkan dari kelas pelajar lelaki namun video tersebut telah rosak dan kini pelajar perempuan hanya dapat mendengar melalui audio sahaja. Walaupun begitu, asas kaedah talaqqi secara moden yang diamalkan ini masih sama seperti kaedah talaqqi secara tradisional.

#### Kaedah Tafaqquh

Kaedah tafaqquh ini diamalkan untuk memahami dan mendalami sesuatu ilmu yang telah dipelajari. Berdasarkan pemerhatian yang telah dijalankan di institusi pengajian pondok ini, pengkaji mendapati bahawa kaedah tafaqquh ini diamalkan oleh para pelajarnya yang sentiasa mendampingi guru bagi mendalami sesuatu ilmu yang tidak difahami oleh mereka. Para pelajar yang tidak memahami tentang sesuatu perkara akan berjumpa dengan guru mereka setelah tamat sesi pengajaran dan pembelajaran.


Berdasarkan temu bual yang dijalankan di institusi pengajian pondok ini, seorang guru telah menerangkan tentang maksud kaedah tafaqquh yang dijalankan di pondok tersebut. Berikut merupakan kenyataan hasil daripada temu bual tersebut:

*"Tafaqquh tu nak memahami. Nak bagi faham. Orang kata tafaqquh fiddin. Maksudnya bagi kefahaman yang betul-betul mendalam. Macam satu satu pelajaran yang dia ambil tu. Contoh macam feqah, dia betul betul mendalam feqah tu. kalau tauhid dia mendalam tauhid tu macam mana dia nak menyampaikan pada orang. Yang pertamanya berjumpa dengan guru la, berdepan dengan guru ambil isi dan buah apa semua dengan guru tersebut. Kemudian dia belajar sendiri la. Dia belajar*

*daripada buah buah, isi isi yang dia dapat daripada guru tu. dia baca baca dan cuba memahami la."*  
(G2)

TB/L1/G1-G2-G3/17012017

Berdasarkan temu bual tersebut dapat disimpulkan bahawa kaedah ini merupakan satu proses yang berlaku antara guru dan pelajar bagi mendalami sesuatu ilmu. Selain itu, berdasarkan analisis catatan nota lapangan juga didapati bahawa terdapat beberapa orang pelajar yang berjumpa dengan gurunya setelah tamat kelas umummi sewaktu kuliah subuh bagi menanyakan soalan tentang perkara yang tidak difahami semasa kuliah tersebut. Berikut merupakan keratan catatan nota lapangan semasa pemerhatian dilaksanakan.



CNL2/L2/KS/05022017


Rajah 4.4. Catatan Nota Lapangan Kaedah Tafaqquh

Hal ini menunjukkan bahawa kaedah pengajian pondok secara tradisional iaitu kaedah tafaqquh yang merupakan satu proses memahami dan mendalami sesuatu ilmu ini masih diamalkan di institusi pengajian pondok ini.

#### **Kaedah Itqan**


Kaedah itqan membawa maksud kaedah dalam menekuni sesuatu ilmu. Ahmad Mohd Salleh (2008), menyatakan bahawa kaedah ini akan berlaku apabila murid duduk mengelilingi guru dan pelajar tekun mendengar setiap kata yang diungkapkan oleh guru mereka. Di samping itu, pelajar akan dikehendaki menghafal bahagian-bahagian yang penting secara bergilir-gilir di hadapan guru bagi memastikan para pelajar juga turut menghafal kitab-kitab tersebut. Oleh itu, setiap pelajar perlu bersungguh-sungguh ketika kaedah ini dijalankan.

Berdasarkan pemerhatian yang dijalankan di institusi pengajian pondok ini, kaedah itqan ini merupakan salah satu kaedah pengajian tradisional yang diamalkan di institusi pengajian pondok ini. Contohnya, semasa sesi pengajaran dan pembelajaran dijalankan sama ada di kelas mahupun masjid, guru akan membacakan hadis terlebih dahulu dan menyuruh pelajarnya mengulangi semula hadis tersebut. Hal ini kerana, guru ingin memastikan murid dapat menekuni perkara yang ingin dibincangkan. Selepas itu, guru akan menerangkan tentang hadis yang dibaca dan pelajarnya akan mencatatkan nota berdasarkan penerangan yang telah diberikan. Analisis keratan catatan nota lapangan telah memaparkan situasi ini:



CNL4//L2/KL/05022017

Rajah 4.5. Catatan Nota Lapangan Kaedah Itqan 1



CNL3/L2/KL/05022017

Rajah 4.6. Catatan Nota Lapangan Kaedah Itqan 2

Guru membaca potongan hadis yang ingin dipelajari terlebih dahulu dan menyuruh pelajar-pelajarnya mengulangi potongan hadis tersebut. Selepas para pelajar membaca semula potongan hadis tersebut, guru akan menerangkan maksud potongan hadis yang dibacakan. Murid didapati tekun mencatatkan nota yang disampaikan oleh guru mereka. Oleh itu, hasil pemerhatian pengkaji semasa proses pengajaran dan pembelajaran ini jelas menunjukkan bahawa kaedah itqan diamalkan di institusi pengajian pondok ini sebagai salah satu kaedah pengajaran dan pembelajaran.

Selain itu, institusi pengajian pondok ini juga menjalankan ujian lisan di akhir tahun pengajian pelajar sebelum pelajar-pelajar ini tamat pengajian di institusi pondok tersebut. Ujian lisan ini dijalankan bagi mengukur tahap kefahaman pelajar berdasarkan pengajian yang telah diikutinya selama 4 tahun tersebut. Berikut merupakan kenyataan salah seorang guru yang telah ditemu bual tentang ujian lisan yang telah diamalkan di institusi pengajian pondok ini:

*“Berdasarkan pengajian yang dia ikuti dengan kami sepanjang 4 tahun. Kemudian ilmu yang dia dapat tu, kami keluarkan pada dia satu soalan. Apa yang dia faham tentang pengajian yang dia mengaji tu sepanjang 4 tahun. Berdasarkan kefahaman, kami suruh depa hurai balik tajuk tu.” (G3)*

TB/L1/G1-G2-G3/17012017



Selain daripada ujian lisan yang dijalankan di akhir pengajian pelajar, institusi pengajian pondok ini juga menjalankan peperiksaan kepada semua pelajar sebanyak dua kali setahun. Ujian lisan dan peperiksaan yang dijalankan ini akan memastikan pelajar sentiasa tekun dalam mempelajari ilmu-ilmu yang telah disampaikan oleh guru mereka. Pelajar-pelajar tersebut dikehendaki untuk menghafal bahagian-bahagian yang tertentu untuk menghadapi ujian lisan ini. Oleh itu, setiap pelajar akan sentiasa tekun semasa sesi pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan.

Selain itu, para pelajar institusi pondok ini juga akan menekuni sesuatu ilmu dengan kaedah praktikal yang telah diamalkan. Guru-guru di pondok ini mengamalkan kaedah kemahiran praktikal selain daripada teori bagi memastikan setiap pelajarnya lebih menekuni dan memahami sesuatu ilmu tersebut dengan lebih mendalam. Sebagai contoh, guru akan menyuruh pelajar-pelajarnya menjalankan aktiviti praktikal seperti pengurusan jenazah, solat, berwudhuk dan mandi wajib selain daripada mengajarkan teori semata-mata. Berikut merupakan temu bual bersama mudir pondok yang menerangkan tentang aktiviti praktikal ini:

*“Kami tak mau budak budak kami cerdik dalam periksa tapi dia tak beramal. Dia tak tau nak solat. Jadi kita create kan aktiviti ni supaya dia tau. Sebab yang ni dia praktikal.....Ya harapan kita praktikal la. Dia tau solat macam mana, berdiri macam mana, duduk dua rakaat macam mana. Ustaz akan tengok dan bagi markah. Jadi kalau ibu bapa nak mai tengok markah dia, dia boleh mai tengok la. Rekod ni ada di simpan.....”*

TB/L3/G9-G10/06042017

Kaedah itqan ini sangat membantu pelajar-pelajar untuk lebih menekuni setiap ilmu yang telah dipelajari. Pelajar-pelajar di pondok ini bukan sahaja dapat menjadi cemerlang di dalam peperiksaan malah mereka akan menjadi seorang yang beramal dengan ilmu agama.

#### **Kaedah Munazoroh**

Berdasarkan pemerhatian dan temu bual yang telah dijalankan, institusi pengajian pondok ini tidak dapat menjalankan kaedah munazoroh sebagai salah satu kaedah pengajarannya. Hal ini demikian kerana, institusi pengajian pondok ini hanyalah membentuk pelajar-pelajarnya menjadi seseorang yang berjiwa agama, beradab dan mempunyai asas agama yang kukuh. Oleh itu, pondok ini hanya menerapkan ilmu-ilmu asas yang tidak terlalu tinggi tahapnya dan disebabkan itulah institusi pondok ini tidak dapat mengamalkan kaedah munozoroh sebagai kaedah pengajaran dan pembelajaran pondok.

Perkara ini telah dinyatakan dalam temu bual yang telah dijalankan dengan salah seorang guru di institusi pengajian pondok tersebut. Berikut merupakan kenyataan guru tersebut:

*“Dia sebenarnya di sini kita punya konsep.... kita sebenar nak bentuk seorang pelajar supaya dia berjiwa agama, beradab walaupun kita kata ilmu dia tak berapa tinggi lagi di sini kita terap benda benda yang bukan terlalu tinggi semoga selepas daripada ni kita akan juruskan dia kepada tempat pusat pondok yang memang tumpu kepada kitab turath, kitab pondok betul betul supaya depa boleh ikut. Cuma kami bentuk generasi saja.” (G2)*

TB/L1/G1-G2-G3/17012017

Ilmu-ilmu asas yang diterapkan di institusi pondok ini adalah untuk membentuk pelajar supaya berjiwa agama dan beradab supaya pelajar-pelajar pondok ini dapat membawa diri ke dalam masyarakat. Oleh itu, kaedah munazoroh ini tidak dapat dijalankan kerana kaedah ini memerlukan pelajar yang tinggi tahap pengajiannya. Menurut Sa’adah (2015), kaedah munazoroh ini dijalankan oleh pelajar-pelajar pondok yang sudah mahir dalam sesuatu ilmu dan mereka akan berdebat tentang ilmu tersebut. Kenyataan ini selari dengan pendapat yang dinyatakan oleh seorang guru di Kompleks Pendidikan Islam Darul Hidayah ini yang menyatakan bahawa:

*“Dia macam kita kata munazoroh, dia sebenarnya menonjolkan ke arah macam mana nak berdepan dengan orang. Munozoroh ni dia kena bahagi dua kumpulan. Okey, pendapat saya gini gini. Kawan tu pertahan.....” (G2)*

TB/L1/G1-G2-G3/17012017

Berdasarkan kenyataan guru tersebut, pengkaji dapat menyimpulkan bahawa kaedah munazorah ini merupakan kaedah seperti perdebatan di antara dua pihak dalam sesuatu perkara dimana mereka menegakkan pendapat masing-masing dan kaedah ini mengajar para pelajar untuk berdepan dengan orang ramai. Faruoo Setiawan (2010), kaedah munazoroh ini merupakan satu kaedah yang banyak memberi manfaat kepada pelajar-pelajar pondok terutamanya apabila mereka keluar bergaul dalam golongan masyarakat pada suatu hari nanti. Menurutnya kaedah ini melatih para pelajar untuk bercakap dan berdebat di hadapan orang ramai.

Walau bagaimanapun, kaedah munazoroh ini tidak dapat diamalkan sebagai kaedah pengajaran di institusi pengajian pondok ini. Hal ini demikian kerana, institusi pengajian pondok ini hanya menerapkan ilmu-ilmu asas sahaja kepada pelajar-pelajarnya. Pihak institusi pondok memfokuskan pengajaran untuk membentuk generasi muda ini sebagai generasi yang mempunyai asas agama dan masih belum memfokuskan ke peringkat pengajian yang lebih tinggi.

Jelaslah, institusi pengajian pondok ini hanya membentuk pelajar-pelajarnya berjiwa agama pada peringkat asas. Oleh itu, kaedah munazoroh ini masih belum sesuai untuk diamalkan sebagai kaedah pengajaran di institusi pengajian pondok ini.

### **Kaedah Mujadalah**

Kaedah mujadalah ini merupakan kaedah soal jawab antara dua pihak namun kaedah ini tidak akan berlaku semasa guru memberikan syarahan kepada pelajarannya. Masyhurah Mohamad Rawi, Harun Baharudin, Maimun Aqsha Lubis, dan Siti Aisyah Romli (2015), menyatakan bahawa kaedah mujadalah ini hanya akan dilakukan oleh kepala talaah ataupun lebih dikenali sebagai pembantu guru. Kepala talaah ini merupakan seseorang pelajar yang akan menjadi pembantu guru dan pelajar ini juga merupakan pelajar yang sudah berada di tahap pengajian yang tinggi. Perkara ini telah dijelaskan oleh seorang guru semasa ditemu bual, berikut merupakan transkripsi bagi temu bual tersebut:

*"Kepala talaah ni biasa, kalau guru tak dak, musaffir ka. Dia akan ambil tempat. Sebab tu ada kepala talaah satu, dua, tiga, empat. Level dia. Ada kepala talaah boleh baca kitab besar, ada yang kepala talaah yang hanya boleh baca kitab kecil, tak boleh naik besar lagi kerana kefahaman dia." (G2)*

TB/L1/G1-G2-G3/17012017

Berdasarkan pemerhatian dan temu bual yang dijalankan oleh pengkaji, kaedah mujadalah ini juga tidak dapat dilaksanakan di institusi pengajian pondok ini. Hal ini kerana, pondok ini memfokuskan pengajaran dalam usaha membentuk generasi yang mempunyai asas agama dan berjiwa agama. Oleh itu, tahap pelajarannya tidak terlalu tinggi untuk menjadi *kepala talaah*. Berikut merupakan transkripsi temu bual yang dijalankan bersama guru:

*"Tapi tempat kita ni tak dak la sebab kita membina sahaja.....Ha tak da la, Cumanya ada abang-abang yang bantu sikit-sikit ja." (G2)*

TB/L1/G1-G2-G3/17012017

Dapatan daripada temu bual di atas menjelaskan bahawa institusi pengajian pondok ini tidak dapat menjalankan kaedah mujadalah. Namun dari hasil pemerhatian, pengkaji dapat melihat kaedah mujadalah ini digunakan secara tidak langsung apabila pelajar-pelajar yang berada di mutawassit 4 atau pelajar yang sudah berada di tahap yang tinggi ini akan membantu para pelajar lain yang memerlukan penjelasan tentang sesuatu perkara. Di samping berdiskusi dan menanyakan soalan kepada guru, pelajar yang mempunyai masalah dalam pembelajaran ini juga akan turut berdiskusi dan menanyakan soalan kepada pelajar yang berada di mutawassit 4. Perkara ini telah dinyatakan oleh seorang pelajar lelaki dari mutawassit 1 ketika ditemu bual, berikut merupakan transkripsi bagi temu bual tersebut:

*"Tanya abang abang mutawassit 4. Yang besar dua orang tadi tu."*

TB/L3/P14/09042017

Walaupun institusi pengajian pondok ini tidak dapat mengamalkan kaedah mujadalah dan *kepala telaah*. Namun, para pelajarnya masih menjalankan sesi soal jawab dengan pelajar-pelajar yang lebih tinggi tahapnya untuk mendalami sesuatu ilmu yang sukar difahami.

## KESIMPULAN

Menurut Mashitah Ibrahim (2014), terdapat lima kaedah pengajaran pondok secara tradisional iaitu kaedah talaqqi, kaedah tafaqquh, kaedah itqan, kaedah munazoroh, dan kaedah mujadalah. Namun, hasil dapatan kajian yang dijalankan salah sebuah institusi pondok di Alor Setar, Kedah ini menunjukkan bahawa daripada lima kaedah pengajaran pondok secara tradisional hanya terdapat tiga kaedah pengajaran yang diamalkan secara langsung di institusi pondok ini iaitu kaedah talaqqi, kaedah itqan dan kaedah tafaqquh. Manakala kaedah mujadalah dan kaedah munazoroh pula tidak diamalkan di institusi pondok ini. Hal ini demikian kerana, institusi pengajian pondok ini hanya mendidik para pelajarnya pada peringkat asas iaitu menjadikan mereka seseorang yang mempunyai asas agama yang kukuh dan berjiwa agama sedangkan kaedah mujadalah dan kaedah munazoroh memerlukan pelajar yang berada pada tahap yang tinggi. Selain itu, kaedah pengajaran yang diamalkan di institusi pengajian pondok ini sangat menarik dan sangat bermanfaat kepada pelajar-pelajar di institusi pondok ini. Oleh itu, kajian tentang kaedah pengajaran yang diamalkan oleh guru di institusi pengajian pondok ini wajar dijalankan demi masa depan pendidikan di negara ini.

## RUJUKAN

- Mashitah Ibrahim. (2014). Ucapan dalam Perbincangan Meja Bulat UPSI Capai 33 Resolusi. Diakses daripada <http://Yppm.Org.My/2014/05/PerbincanganMeja-Bulat-Upsi-Capai-33-Resolusi/> pada 5 April 2017.
- Masyhurah Mohamad Rawi, Harun Baharudin, Maimun Aqsha Lubis & Siti Aisyah Romli. (2015). *Institusi Pondok Dalam Sistem Pendidikan Islam Di Malaysia*. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Mohd. Napiah Bin Abdullah. (1989). *Pengajian Hadis Di Institusi Pondok: Satu Kajian Di Daerah Baling*. Jurnal Islamiyyat.
- Nur Sa'adah. (2015). *Implementasi Sistem Pembelajaran Kitab Kuning Di Madrasah Diniyah Islam Salafiyah Jabalkat Sambijajar Sumbergempol Tulungagung*: Institut Agama Islam Negeri (lain). Tulungagung.
- Othman Lebar. (2009). *Penyelidikan Kualitatif Pengenalan Kepada Teori Dan Metod*. Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Ramli Awang. (2006). *Perkembangan Institusi Pondok Di Nusantara: Pengaruhnya Di Negeri Kedah*. Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.
- Ahmad Mohd Salleh. (2008). *Pengajian Agama Islam & J-Qaf: Metodologi Dan Pedagogi Pendidikan*. Selangor: Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Faruoo Setiawan. (2010). *Upaya Guru Pembina Dalam Menumbuhkan Minat Siswa Pada Kegiatan Muhadharoh*. Universitas Muhammadiyah Surakarta.
- Sedek Ariffin. (2009). Kepentingan Talaqqi Dan Musyafahah Dalam Pembacaan Al Quran. Disember 2009. *Jurnal Darul Quran JAKIM*. Bil. Ke 13. Melaka: Percetakan Surya Sdn.Bhd.
- Shuhadak Mahmud & Iknor Azli Ibrahim. (2014). *Perlaksanaan Program Takmir Sebagai Medium Pengimarahannya Masjid Di Negeri Sembilan*. Al-Hikmah, 6(2). Pp. 53-64. ISSN 1985—6822.
- Siti Aminah. (2013). *Pola Pendidikan Pesantren Dan Implikasinya Terhadap Pembentukan Karakter Kewarganegaraan*. Tesis Sarjana Pendidikan, Universitas Sebelas Maret, Surakarta.
- Suhanim Abdullah. (2014). *Pemikiran Tokoh Ulama Banjar Kedah*. Batu Pahat: Penerbitan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.